

Punca Sabah tertinggal

KOTA BELUD, Khamis -- Sabah boleh mencapai pembangunan lebih pesat jika kerajaan negeri tidak bertelagah dengan Kerajaan Persekutuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat serius dalam usaha membangunkan negeri ini, tetapi tidak dapat melaksanakannya secara berkesan kerana ketiadaan kerjasama daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, kekurangan pembangunan di Sabah disebabkan kerajaan negeri tidak menumpukan pembangunan untuk rakyat,

sebaliknya asyik bertelagah dengan Kerajaan Pusat.

Berucap di hadapan kira-kira 10,000 orang sempena perletakan batu peringatan kemenangan pertama Umno Sabah, di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata pembangunan di Sabah tergendala berikutan tindakan Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar daripada Barisan Nasional (BN).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembangunan di Sabah ketika ini masih ketinggalan berbanding Semenanjung dan lebih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk me-

ningkatkan taraf hidup rakyat.

"Sebahagiannya sudah dibangunkan sejak merdeka tetapi pembangunan masih boleh ditingkatkan kalau kita menumpukan perhatian kepada pembangunan untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berkata, negeri di Semenanjung juga dahulunya mundur tetapi dapat dimajukan hasil kerjasama kerajaan negeri seperti terbukti dengan pembangunan Pulau Langkawi.

"Apa yang diperlukan untuk mencapai matlamat itu ialah kestabilan politik dan kesunggu-

han kerajaan menolong rakyat. Kalau kerajaan menumpukan kepada pembangunan, mentadbir dengan baik, pembangunan akan tercapai," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pembangunan Umno ke Sabah bukan bermakna orang Umno dari Semenanjung mengambil alih negeri ini.

Sementara itu di MZRZ, Sarawak, malam ini Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat berpuas hati dengan Kerajaan Sarawak yang menggunakan sepenuhnya hasil balak dan minyak di negeri

itu untuk faedah rakyat.

Sebagai contoh, Miri mencatat sejarah sebagai pengeluar minyak sejak 100 tahun lalu, tetapi terlalu sedikit hasil kekayaan sumber asli itu dinikmati rakyat sebelum Sarawak menyertai Malaysia.

"Ini membuktikan bahawa semua hasil yang diperolehi kerajaan, digunakan sepenuhnya untuk rakyat," katanya di jamuan makan malam semua kaum di sini.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, beberapa menteri Kabinet negeri dan pusat.